

ANALISIS KRITIS *QAWLAN SADĪDĀ* DAN IMPLIKASINYA TERHADAP KEADILAN SOSIAL

Siti Fazidatul Zahariah Mat Saleh ⁱ, Sakinah Abdul Mokti ⁱⁱ, Aida Hartini Nan ⁱⁱⁱ, Sharifah Nurulhuda S Ab Latif ^{iv}, Saadiah Mohd ^v

ⁱ (Corresponding author). Pensyarah, Fakulti Pengajian Islam dan Sains Sosial, Universiti Sultan Azlan Shah.
Emel: fazidatul@usas.edu.my

ⁱⁱ Pensyarah, Fakulti Pengajian Islam dan Sains Sosial, Universiti Sultan Azlan Shah. Emel: sakinah@usas.edu.my

ⁱⁱⁱ. Pensyarah, Fakulti Pengajian Islam dan Sains Sosial (FPISS), Universiti Sultan Azlan Shah. Email: aida@usas.edu.my, sharifahnurulhuda@usas.edu.my, saadiah@usas.edu.my

ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk menganalisis konsep *qawlan sadīdā* melalui pendekatan *munāsabah* antara dua ayat yang relevan dalam al-Quran, iaitu surah *al-Nisa'* (4:9) dan surah *al-Aḥzāb* (33:70), dengan objektif membangunkan satu kerangka keadilan sosial yang holistik dan praktikal terhadap cabaran komunikasi serta tadbir urus masa kini. Melalui pendekatan *munāsabah*, kajian ini mengenal pasti korelasi tematik, kontekstual, dan struktural antara kedua-dua ayat tersebut untuk menggambarkan bagaimana komunikasi yang bertanggungjawab dalam al-Quran boleh dijadikan asas kepada teori keadilan sosial yang relevan dalam konteks kontemporari. Metodologi yang digunakan ialah analisis deskriptif-analitik secara tekstual dan kontekstual, disokong oleh kajian tafsir dan semantik yang relevan untuk memahami makna dan konteks ayat dalam al-Quran. Hasil kajian menunjukkan bahawa *qawlan sadīdā* tidak hanya merujuk kepada ucapan yang benar dan adil, tetapi juga mencerminkan satu model komunikasi yang mengintegrasikan dimensi vertikal dan horizontal. Dengan merujuk kepada tafsiran para ulama klasik dan kontemporari, kajian ini mengungkapkan bahawa *qawlan sadīdā* bukan sahaja berbicara tentang prinsip ucapan yang benar, tetapi menunjukkan komunikasi yang bertanggungjawab, adil, dan tepat adalah asas kepada pembentukan masyarakat yang beretika dan adil. Justeru, kajian ini menegaskan bahawa *qawlan sadīdā* bukan sekadar konsep linguistik, tetapi falsafah dasar keadilan sosial dalam Islam.

Kata-kata kunci: *Qawlan sadīdā*, keadilan sosial, ilmu *munāsabah*, etika komunikasi, transformasi sosial.

PENGENALAN

Keadilan sosial merupakan tunjang kepada pembinaan masyarakat sejahtera dan bertamadun menurut pandangan dunia Islam. Al-Quran meletakkan keadilan bukan sekadar nilai moral, tetapi tuntutan syariah yang wajib ditegakkan baik dalam kehidupan individu mahupun dalam urusan pentadbiran negara. Allah SWT berfirman:

إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَاءِ ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَىٰ عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ

Maksudnya: Sesungguhnya Allah SWT menyuruh berlaku adil dan berbuat ihsan” (Surah *al-Nahl*, 16:90).

Dalam ayat lain, Allah SWT menegaskan bahawa keadilan perlu ditegakkan tanpa dipengaruhi sentimen kebencian. Firman Allah SWT:

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا كُونُوا قَوَّامِينَ لِلَّهِ شُهَدَاءَ بِالْقِسْطِ وَلَا يَجْرِمَنَّكُمْ شَنَاٰنُ قَوْمٍ عَلَىٰ أَلَّا تَعْدِلُوا اعْدِلُوا هُوَ أَقْرَبُ
لِلتَّقْوَىٰ وَاتَّقُوا اللَّهَ إِنَّ اللَّهَ خَبِيرٌ بِمَا تَعْمَلُونَ

Maksudnya: “Wahai orang-orang yang beriman! Jadilah kamu sebagai saksi kerana Allah dengan bersikap adil. Janganlah kebencian terhadap sesuatu kaum membuat kamu tidak berlaku adil. Berlaku adillah; itu lebih dekat kepada takwa. Dan bertakwalah kepada Allah, sesungguhnya Allah Maha Mengetahui apa yang kamu kerjakan.” (Al-Quran, 5:8).

Ayat-ayat ini menunjukkan bahawa keadilan merupakan asas struktur sosial Islam.

Ilmu *munāsabah*, sebagai cabang ‘*ulūm al-Quran* yang mengkaji hubungan dan korelasi antara ayat-ayat al-Quran, memberikan kerangka metodologi yang penting dalam memahami konsep keadilan sosial secara holistik (Al-Suyūṭī, 1974). Melalui pendekatan *munāsabah*, kita dapat menghubungkan ayat-ayat yang berkaitan dengan etika komunikasi dan keadilan sosial untuk membentuk satu framework yang komprehensif dan saling melengkapi.

Dalam kerangka komunikasi Islam, Rasulullah SAW mengaitkan keimanan dengan etika komunikasi melalui sabdanya:

مَنْ كَانَ يُؤْمِنُ بِاللَّهِ وَالْيَوْمِ الْآخِرِ فَلْيُكَلِّمْ خَيْرًا أَوْ لِيَصْمُتْ¹

Maksudnya: Barangsiapa beriman kepada Allah dan hari akhirat, hendaklah dia berkata yang baik atau diam

Justeru, keadilan sosial dalam Islam bermula daripada keadilan dalam tutur kata iaitu kawalan moral terhadap komunikasi yang mampu membentuk kesejahteraan kolektif.

Salah satu konsep komunikasi yang sangat ditekankan al-Quran ialah *qawlan sadidā* yang muncul dalam dua konteks utama yang menunjukkan munasabah tematik yang mendalam, iaitu pada surah *Al-Aḥzāb* (33:70) yang menyeru: orang beriman untuk bertakwa kepada Allah SWT dan berkata benar, serta pada surah *Al-Nisa*’ (4:9) berkaitan perlindungan terhadap anak yatim dan golongan rentan.

Munasabah kontekstual antara ayat-ayat sebelum dan selepas kedua-dua ayat ini menunjukkan bahawa *qawlan sadidā* bukan sekadar etika komunikasi individu, tetapi merupakan instrumen keadilan sosial yang sistematik (Al-Biqā’ī, 1995). Dalam surah *Al-Aḥzāb*, konsep ini dikaitkan dengan pembinaan takwa dalam komuniti beriman, manakala pada surah *al-Nisa*’, konsep dihubungkan dengan tanggungjawab melindungi golongan yang lemah dan tidak berupaya dalam masyarakat.

¹ Menurut Ibn ‘Āsyūr (1984), lafaz *sadidā* membawa maksud ketepatan dalam ucapan yang selari den- Diriwayatkan oleh al-Bukhārī, Muhammad Ibn Ismā’īl, *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī, Kitāb al-Riqaq, Bāb Ḥifẓ al-Lisān*, J8, no. 6475, hlm 100.

gan maslahat; manakala Sayyid Qutb (2000) menekankan dimensi sosialnya yang mendorong pembaikan (islah). Ini selari dengan pandangan semantik al-Raghīb al-Aṣfahānī (2009) yang mengaitkan akar kata د د س dengan ketepatan menuju tujuan yang benar.

Pendekatan *munāsabah* membolehkan kita melihat bagaimana ayat-ayat yang disebutkan sebelum dan selepas kedua-dua ayat ini saling melengkapi dalam membentuk satu paradigma keadilan sosial yang ber-paksikan komunikasi yang bertanggungjawab. *Munāsabah ma'nawiyah* (hubungan makna) antara keduanya menunjukkan bahawa komunikasi yang benar (*qawlan sadīdā*) adalah prasyarat kepada perlindungan golongan rentan dan pembinaan masyarakat yang adil (Al-Zarkasyī, 1988).

Kajian-kajian terdahulu banyak tertumpu pada aspek linguistik dan tafsir hukum tanpa menghubungkan konsep ini secara sistematik melalui analisis *munāsabah* dengan teori keadilan sosial kontemporari seperti akauntabiliti, integriti komunikasi awam, dan perlindungan kelompok kurang upaya. Perkara ini menimbulkan jurang teori dalam memahami bagaimana etika komunikasi al-Quran dapat berfungsi sebagai kerangka kritikal bagi membentuk sistem sosial yang adil.

Sehubungan itu, kajian ini bertujuan menganalisis *qawlan sadīdā* melalui pendekatan *munāsabah* antara dua ayat berkaitan bagi membangunkan satu kerangka keadilan sosial yang holistik serta bersifat praktikal terhadap cabaran komunikasi dan tadbir urus masa kini. Metodologi *munāsabah* akan digunakan untuk mengenal pasti korelasi tematik, kontekstual, dan struktural antara kedua-dua ayat tersebut dalam membentuk satu teori keadilan sosial yang berasaskan komunikasi yang bertanggungjawab.

SOROTAN KAJIAN

Definisi dan konsep *qawlan sadīdā*

Frasa *qawlan sadīdā* terangkai daripada dua perkataan iaitu *qawlan* (قَاوْلًا) dan *sadīdā* (سَدِيدًا). Istilah ini hanya disebutkan dua kali di dalam al-Qur'ān, iaitu:

Pertama, pada ayat 9 surah al-Nisa':

وَلْيَحْشَ الَّذِينَ لَوْ تَرَكُوا مِنْ خَلْفِهِمْ ذُرِّيَّةً ضِعَافًا خَافُوا عَلَيْهِمْ فَلْيَتَّقُوا اللَّهَ وَلْيَقُولُوا قَوْلًا سَدِيدًا

Maksudnya: Dan hendaklah takut (kepada Allah daripada melakukan aniaya kepada anak-anak yatim oleh) orang-orang (yang menjadi penjaganya), yang jika ditakdirkan mereka pula meninggalkan anak-anak yang daif (yatim) di belakang mereka, (tentulah) mereka akan mera-sa bimbang terhadap (masa depan dan keselamatan) anak-anak mereka; oleh itu hendaklah mereka bertaqwa kepada Allah, dan hendaklah mereka mengatakan perkataan yang betul (me-nepati kebenaran). (Surah al-Nisa' 4:9)

Dalam konteks ayat ini, *qawlan sadīdā* bermaksud ucapan yang adil dan seimbang ketika memberi nasihat kepada seseorang yang membuat wasiat, agar tidak mengabaikan hak anak-anak kecil dan tidak berlebihan dalam sedekah. Ayat ini juga menekankan hubungan erat antara takwa, keadilan, dan tanggungjawab sosial (Al-Wahidi, 1995).

Kedua, pada ayat 70 surah al-Aḥzāb:

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا اتَّقُوا اللَّهَ وَقُولُوا قَوْلًا سَدِيدًا

Maksudnya: Wahai orang-orang yang beriman, bertaqwalah kepada Allah, dan katakanlah perkataan yang tepat - benar (dalam segala perkara). (Surah al-Aḥzāb 33:70)

Menurut Ibn Kathīr (2001), ayat ini menegaskan perintah Allah kepada orang beriman agar bertakwa

dan beribadah seolah-olah mereka melihat Allah, serta mengucapkan *qawlan sadīdā*, iaitu ucapan yang bebas daripada penyelewengan dan kesalahan. Allah menjanjikan bahawa mereka yang melaksanakan perintah ini akan diberi taufik untuk amal soleh, diampunkan dosa-dosa lalu, dan mendapat bimbingan untuk bertaubat atas kesalahan yang akan datang. Ibn Kathīr turut membawakan tafsiran daripada Ikrimah, Mujāhid, dan ulama lain mengenai maksud lurus, kelurusan (*as-sadād*), dan ketepatan (*aṣ-ṣawāb*). Kesemua tafsiran ini saling melengkapi.

Definisi Bahasa

Ibn Fāris (1979) menjelaskan bahawa perkataan *qawl* (قَوْلٌ) berasal daripada akar kata ل و ق (*qāf-wāw-lām*), di mana huruf qāf, wāw dan lām membentuk satu akar makna yang menunjukkan perbuatan menuturkan kata dan menyatakan sesuatu dengan lidah. Manakala perkataan *sadīd* (سَدِيدٌ) berasal daripada akar kata س د د (*sīn-dāl-dāl*), yang membawa makna kebaikan, ketepatan, dan kelurusan.

Al-Fayrūzabādī (2008) menambah bahawa *qawl* bermaksud ucapan, pendapat, atau pernyataan, digunakan bagi setiap pertuturan yang memberi makna, manakala *sadīd* bermaksud tepat dan lurus. Daripada definisi ini, *qawlan sadīdā* menggambarkan ucapan yang benar, tepat, dan adil, iaitu tutur kata yang berpaksikan kebenaran serta membawa kepada pembetulan dan kebaikan, bukan penyelewengan.

Definisi Qawlan Sadīdā Menurut Ahli Tafsir

Al-Ṭabarī (2001) menafsirkan bahawa *qawlan sadīdā* ialah ucapan yang mengandungi peringatan dan manfaat, tidak menzalimi atau menafikan hak anak yatim yang lemah. Perkataan *al-sadīd* dalam konteks ucapan bermaksud kata-kata yang bersifat adil dan benar. Al-Wāḥidī (1995) pula menekankan makna keadilan dalam ucapan. Al-Qurṭubī (2006) menekankan ketepatan dan keadilan, manakala al-Syawkānī (2007), al-Sa'ādī (2002), dan Ibn Kathīr (2001) menegaskan bahawa *qawlan sadīdā* ialah perkataan yang benar, tepat, dan selaras dengan syarak.

Secara keseluruhannya, *qawlan sadīdā* membawa maksud ucapan yang benar, adil, dan tepat, iaitu tutur kata berlandaskan kebenaran, bebas daripada kebatilan dan kezaliman. Konsep ini menuntut agar setiap pertuturan mengandungi manfaat, keadilan, dan ketepatan makna, mencerminkan etika komunikasi berasaskan nilai iman dan takwa. Dalam konteks sosial, kejujuran dan keadilan dalam ucapan merupakan asas pembinaan masyarakat yang berakhlak dan berintegriti.

Analisis Munāsabah Ayat dengan Frasa Qawlan Sadīdā dalam al-Qur'ān

Berdasarkan tafsiran al-Biqā'ī (1995) dalam *Naẓm al-Durar fī Tanāsub al-Ayāt wa al-Suwar*, beberapa bentuk munāsabah (hubungan ayat) dapat dikenalpasti dalam ayat yang mengandungi frasa *qawlan sadīdā* (الْوَقْلَ السَّادِدَ, *qawlan sadīdā*).

Pada Surah al-Nisā' ayat 9 menunjukkan munāsabah yang mendalam. Ayat ini menyambung perbincangan sebelumnya tentang hak anak yatim dan keadilan dalam pembahagian harta. Perintah untuk merasai

kesedihan dan ketakutan yang sama seperti jika anak-anak sendiri berada dalam keadaan lemah menekankan empati yang membawa kepada keadilan sosial. Selain itu, perintah *falyattaqullāh* (bertakwalah kepada Allah) diikuti *walqūlū qawlan sadīdan* (berkatalah dengan perkataan yang benar) menunjukkan bahawa takwa ialah asas keadilan, manakala ucapan benar ialah manifestasinya dalam tindakan. Keseluruhannya, ayat ini menonjolkan hubungan antara aspek hukum, moral, dan emosi, membentuk rangka etika sosial berasaskan empati, ketakwaan, dan pertuturan yang adil (al-Biqā‘ī, 1995).

Manakala pada Surah al-Aḥzāb ayat 70 pula menekankan pola munāsabah yang serupa tetapi dalam konteks berbeza. Ayat ini datang selepas larangan menyakiti Nabi dan orang beriman, menggabungkan tegahan (*an-nahy*) dan dorongan (*al-amr*) untuk mengucapkan kata yang benar. Hubungan antara awal dan akhir surah menegaskan bahawa prinsip takwa dan ucapan benar merupakan penyudah moral bagi keseluruhan tema surah, iaitu adab terhadap Rasulullah SAW, kesucian rumah tangga baginda, dan tanggungjawab sosial umat Islam. Perintah *ittaqaullāh* diikuti *qūlū qawlan sadīdan* menegaskan bahawa ketakwaan sejati terzahir melalui ucapan yang lurus, sekaligus menjadikan ucapan benar sebagai manifestasi praktikal takwa (al-Biqā‘ī, 1995).

Secara ringkas, kedua-dua ayat ini menegaskan bahawa *qawlan sadīdā* bukan sahaja perkataan yang benar dan tepat, tetapi juga lambang ketakwaan, keadilan, dan etika sosial dalam konteks peribadi dan masyarakat. Ia membentuk kerangka komunikasi berasaskan iman yang menyatukan hati, akal, dan lisan.

Perbincangan Munāsabah dalam kedua-dua ayat ini dapat dilihat dalam jadual berikut:

Jadual 1: Analisis Munāsabah dalam Surah al-Nisa’ Ayat 9 dan Surah al-Aḥzāb Ayat 70

Surah & Ayat	Aspek Munāsabah	Huraian Ringkas	Kesimpulan Munāsabah
al-Nisā’ (4:9)	Munāsabah dengan Ayat Sebelumnya	Ayat ini menyambung perbincangan mengenai hak anak yatim dan keadilan dalam pembahagian harta. Setelah larangan menzalimi mereka disebut, datang perintah yang membangkitkan empati dan rasa tanggungjawab sosial, agar manusia merasa kesedihan yang sama jika anak mereka sendiri dalam keadaan lemah.	Menunjukkan kesinambungan antara larangan kezaliman dan seruan kepada empati yang membawa kepada keadilan sosial.
	Munāsabah antara Jumlah <i>Ma’thūfah</i> (Takwa dan Ucapan Benar)	Perintah “ <i>falyattaqullāh</i> ” diikuti dengan “ <i>walyaqūlū qawlan sadīdā</i> ” menggambarkan hubungan harmoni antara takwa dan ucapan benar. Takwa ialah asas moral, manakala ucapan benar ialah manifestasi amali bagi keadilan.	Menampilkan keseimbangan antara aspek hukum, moral dan emosi, membentuk rangka etika sosial berasaskan empati, ketakwaan dan keadilan.

<i>al-Aḥzāb</i> (33:70)	<i>Munāsabah</i> dengan Ayat Sebelumnya	Setelah larangan menyakiti Rasulullah SAW dan orang beriman disebut, ayat ini hadir dengan perintah untuk berkata benar (<i>qawlan ṣadīdā</i>). Ia menunjukkan pola larangan (<i>an-nahy</i>) diikuti dengan perintah (<i>al-amr</i>), yang menyeimbangkan tegahan dan dorongan moral.	Hubungan ini memperkukuh mesej bahawa meninggalkan kejahatan perlu diiringi dengan perbuatan baik yang memperbaiki diri dan masyarakat.
	<i>Munāsabah</i> antara Awal dan Akhir Surah	Awal surah memerintahkan Nabi SAW agar bertakwa, manakala akhir surah memperluas perintah itu kepada seluruh mukmin. Wujud keseimbangan struktur (<i>rabṭ al-awwal bi al-ākhīr</i>) yang menegaskan tema ketakwaan dan akhlak sosial.	Menunjukkan kesatuan mesej surah: takwa dan ucapan benar sebagai penyudah moral kepada tema adab terhadap Rasulullah SAW dan tanggungjawab sosial umat Islam.
	<i>Munāsabah</i> antara Jumlah <i>Ma‘thūfah</i> (Takwa dan Ucapan Benar)	Perintah “ <i>ittaqullāh</i> ” diikuti “ <i>qūlū qawlan ṣadīdā</i> ” menzahirkan hubungan sebab dan kesan, takwa sebagai asas batin, manakala ucapan benar sebagai bukti zahir keimanan.	Ketakwaan yang benar terjemla melalui pertuturan yang lurus; kedua-duanya saling melengkapi dalam membentuk keperibadian beriman dan beradab.

Definisi dan Konsep Keadilan Sosial

Konsep keadilan sosial (*al-‘adl al-ijtimā‘ī*) dalam Islam berpaksikan prinsip keseimbangan, kesamarataan hak, dan tanggungjawab moral yang berpunca daripada keimanan kepada Allah. Ia bukan sekadar gagasan moral, tetapi suatu prinsip teologis yang menjadi teras dalam sistem nilai Islam (Al-Zarkasyī, 1988). Menurut al-Qur’ān, keadilan (*‘adl*) ialah meletakkan sesuatu pada tempatnya (*waḍ‘ al-syay‘ fi mawḍi‘ihi*) dengan memberikan setiap individu haknya tanpa melampaui batas (Al-Aṣfahānī, 2009; Al-Qur’ān al-Karīm). Ibn Qayyim al-Jawziyyah (1979) menegaskan bahawa asas syarī‘ah ialah keadilan; di mana ada keadilan, di situ ada syarī‘ah, walau pun bentuknya berbeza mengikut konteks zaman dan tempat.

Dari sudut bahasa (etimologi), istilah *‘adl* (عَدْلٌ) berakar daripada kata *‘adala-ya ‘dilu-‘adlan*, yang bermaksud *lurus, seimbang*, atau *tidak berat sebelah* (Ibn Fāris, 1979). Al-Rāghib al-Aṣfahānī (2009) menekankan bahawa *‘adl* membawa maksud “menetapkan sesuatu pada tempatnya yang wajar” (*waḍ‘ al-shay‘ fi mawḍi‘ihi*), serta merujuk kepada keseimbangan antara dua perkara yang berlawanan tanpa condong kepada mana-mana pihak. Dari sudut istilah (terminologi Islam), *‘adl* difahami sebagai sifat dan tindakan yang menepati kebenaran (*ḥaqq*) serta menolak kezaliman (*ẓulm*) (Al-Jurjānī, 1983).

Selain itu, keadilan sosial menuntut penyertaan aktif masyarakat untuk menegakkan hak dan menghapuskan kezaliman melalui prinsip *al-amr bi al-ma‘rūf wa al-nahy ‘an al-munkar* (menyeru kepada kebaikan dan mencegah kemungkaran). Prinsip ini memastikan keseimbangan sosial terpelihara melalui tindakan kolektif yang berasaskan taqwā dan rahmah (Al-Ghazālī, t.t.). Al-Ghazālī menekankan bahawa keadilan sosial adalah natijah daripada *tazkiyah al-naḥs* (penyucian jiwa), kerana seseorang yang bertaqwā akan bersikap adil dalam tutur kata, keputusan, dan interaksi sosialnya. Nilai ini menjadikan keadilan sosial Islam bukan sahaja berpusat pada struktur atau undang-undang, tetapi juga berpunca daripada dimensi spiritual yang membentuk integriti diri dan masyarakat, termasuk perlindungan hak golongan lemah seperti anak yatim dan fakir miskin (Al-Qur’ān al-Karīm, Q.S. al-Nisā’ 4:58; al-Mā’idah 5:8).

Terdapat segelintir kajian yang cuba menghubungkan konsep *qawlan ṣadīda* dengan dimensi sosial yang lebih kritikal, khususnya dalam kerangka takwa dan keadilan sosial. Kajian seperti Hulawa dan Kasmia

(2023) menyorot fungsi *qawlan ṣadīda* dalam pembentukan akhlak dan komunikasi etika, manakala Junaidi, ‘Abdul Majid, dan Nazrī (2023) menekankan bahawa paradigma keadilan sosial *qur’ani* menuntut keseimbangan antara kesedaran spiritual dan tanggungjawab sosial. Namun, hubungan antara dua ayat utama surah *al-Nisa’* 4:9 dan *al-Aḥzāb* 33:70 belum pernah dirangka dalam satu model teori integratif yang menghubungkan takwa, *qawlan ṣadīdā* dan keadilan sosial. Ketiadaan model ini menunjukkan jurang epistemologi dalam memahami bagaimana kesedaran spiritual dapat diterjemah kepada pertuturan yang benar dan seterusnya menzahirkan keadilan sosial dalam masyarakat Muslim kontemporari (Raḥīm & Yūsuf, 2023).

METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif deskriptif-analitik bagi meneliti prinsip *qawlan ṣadīdā* (قَوْلٌ سَادِدًا) daripada perspektif linguistik, istilah, dan kontekstual, serta menilai implikasinya terhadap keadilan sosial. Sumber data utama diperoleh daripada kitab-kitab tafsir klasik seperti karya Ibn Kathīr (2001) dan al-Rāzī (1999), manakala karya kontemporari termasuk al-Marāghī (2000), Ibn ‘Āsyūr (2006), dan al-Biqā‘ī (1995). Kajian ini bersifat teoretikal dan reflektif, menekankan analisis kritis terhadap sumber primer dan sekunder.

Pengumpulan data dijalankan melalui analisis dokumen dan teks, dengan menapis dan menyusun ayat-ayat serta tafsiran yang relevan. Analisis dijalankan secara induktif, di mana tema-tema seperti integriti per-cakapan, kejujuran, empati, dan keadilan sosial dikenalpasti berdasarkan pola dan konteks dalam teks. Secara serentak, analisis deduktif digunakan untuk menguji kesahihan tema-tema tersebut berdasarkan teori komunikasi adil, etika sosial, dan prinsip keadilan dalam Islam.

Pendekatan gabungan induktif-deduktif ini membolehkan kajian menonjolkan pemahaman konsep *qawlan ṣadīdā* secara holistik serta menghubungkannya dengan teori dan aplikasi praktikal. Dengan cara ini, kajian dapat menilai implikasi prinsip *qawlan ṣadīdā* dalam memupuk komunikasi yang adil dan membina keadilan sosial dalam masyarakat.

HASIL KAJIAN

Kajian ini menegaskan bahawa *qawlan ṣadīdā* bukan sekadar prinsip linguistik atau etika pertuturan, tetapi merupakan instrumen penting dalam membina keadilan sosial. Dalam konteks al-Quran, khususnya *al-Nisa’* 4:9 dan *al-Aḥzāb* 33:70–71, ucapan yang lurus berperanan memastikan hak individu dihormati, hubungan sosial dijaga, dan interaksi masyarakat berlangsung secara harmoni.

Hasil kajian ini membahagikan dapatan kepada empat aspek utama: pertama, makna *qawlan ṣadīdā* itu sendiri; kedua, perintah takwa sebagai kriteria individu adil; ketiga, etika komunikasi yang adil; dan keempat, ganjaran yang menyeluruh bagi penutur dan masyarakat.

QAWLAN SADĪDA SEBAGAI ASAS INTERAKSI SOSIAL DAN KEADILAN

Kajian ini mendapati bahawa perintah *qawlan ṣadīda* dalam Surah al-Nisā’ ayat 9 bukan sahaja bersifat moral individu, tetapi membawa implikasi sosial yang strategik dalam melindungi hak golongan rentan, khususnya anak yatim. Dalam konteks *asbāb al-nuzūl*, ayat ini turun berkaitan keseimbangan para sahabat terhadap kemungkinan berlakunya kezaliman dalam pengurusan harta anak yatim. Justeru, ucapan yang benar, tepat,

dan adil menjadi asas kepada amanah sosial. Perintah itu disusuli dengan ancaman kewujudan generasi lemah (*dhurriyatan di 'āfan*, ذُرِّيَّةٌ ضِعْفًا) sekiranya amanah tersebut diabaikan, menunjukkan hubungan langsung antara kualiti komunikasi dan pembinaan ketahanan sosial (Ibn Kathīr, 2001; Al-Ṭabarī, 2001).

Para mufassir menekankan bahawa *qawlan sadīdā* menuntut penutur untuk bertutur dengan lurus dan adil, khususnya ketika memutuskan hal berkaitan hak orang lain. Ibn Kathīr menegaskan aspek keadilan dan ketepatan dalam ucapan, manakala Al-Ṭabarī dan Al-Rāzī pula mengaitkannya dengan tanggungjawab pemimpin dan penjaga untuk mengelakkan eksploitasi. Penegasan ini menunjukkan bahawa bahasa benar dalam pentadbiran sosial merupakan pencegah awal kepada ketidakadilan struktur (Al-Rāzī, 2003; Ibn Kathīr, 2001). Selain itu, kajian turut menemukan bahawa ketakwaan dalam ayat ini berfungsi sebagai motivasi spiritual dan parameter etika bagi komunikasi. Ketakwaan melahirkan ucapan yang menjaga maruah, hak, serta kelangsungan masa depan anak yatim, selaras dengan tujuan *maqāṣid al-syarī'ah* dalam menjamin pemeliharaan keturunan (*hiḍḍ al-nasl*) dan harta (*hiḍḍ al-māl*) (Al-Marāghī, 1997; Ibn 'Āsyūr, 1984). Oleh itu, perintah *qawlan sadīdā* dalam ayat ini menampilkan model komunikasi perlindungan—di mana ucapan benar menjadi instrumen keadilan sosial.

Kajian literatur menunjukkan bahawa kegagalan mempraktikkan *qawlan sadīdā* dalam konteks ini boleh mewujudkan lingkaran kemiskinan warisan yang menjejaskan struktur masyarakat. Sebaliknya, apabila komunikasi terhadap anak yatim dan pengurusan hak mereka dilaksanakan menurut etika *qurani*, ia melahirkan generasi yang bermaruah dan mapan, seterusnya memacu kesejahteraan sosial jangka panjang. Justeru, kajian ini menegaskan bahawa *qawlan sadīda* bukan sekadar konsep linguistik, tetapi falsafah dasar keadilan sosial dalam Islam.

DIMENSI PSIKO-SPIRITUAL :TAKWA SEBAGAI PRASYARAT KEADILAN SOSIAL

Kajian ini mendapati bahawa dalam surah *al-Nisa'* (4:9) dan surah *al-Aḥzāb* (33:70), terdapat urutan yang konsisten, iaitu perintah takwa mendahului perintah *qawlan sadīdā*. Perintah takwa yang diterjemahkan sebagai “bertakwalah kepada Allah” merupakan langkah pertama yang diperlukan sebelum seseorang dapat berucap dengan benar dan adil. Dalam konteks ini, takwa berfungsi sebagai asas untuk komunikasi yang beretika dan bertanggungjawab. Struktur ayat yang menyatakan “فَلْيَتَّقُوا اللَّهَ وَيْلِقُوا اللَّهَ قَوْلًا سَدِيدًا” (maka hendaklah mereka bertakwa kepada Allah dan hendaklah mereka berkata dengan kata-kata yang benar) menunjukkan hubungan kausal antara takwa dan ucapan yang benar. Tanpa takwa, ucapan yang adil dan benar (*qawlan sadīdā*) tidak akan wujud dengan sempurna, kerana takwa mendasari niat dan tindakan seseorang dalam berkomunikasi, menjadikannya alat penting untuk memupuk keadilan sosial dalam masyarakat (Al-Biqā'ī, 1995; Al-Tabari, 1997).

Takwa bukan hanya sebuah konsep spiritual yang berkaitan dengan hubungan manusia dengan Allah, tetapi ia juga memiliki kesan langsung terhadap pembentukan karakter individu dan masyarakat. Dalam konteks keadilan sosial, takwa berfungsi sebagai *spiritual preparation* yang mendalam bagi individu untuk mengamalkan keadilan dalam kehidupan seharian. Keberkesanan keadilan sosial bergantung kepada transformasi dalaman seseorang sebelum ia dapat dipraktikkan secara luaran. Hal ini disokong oleh konsep *islah* (perbaikan) dalam Islam, di mana perubahan harus dimulai dengan pembentukan diri yang bertakwa, yang se-

terusnya akan mengarahkan tindakan yang adil dalam hubungan sosial (Ibn Kathīr, 2000). Pandangan ini turut ditegaskan oleh Hamka (1976) bahawa transformasi sosial dimulai dengan kesedaran dan perubahan dalam jiwa individu, di mana takwa menjadi dasar utama yang membentuk karakter adil seseorang sebelum ia dapat merealisasikan keadilan sosial dalam masyarakat.

Selain itu, takwa membentuk keadilan yang bersifat berterusan dan berkelanjutan. Keadilan yang terbit daripada takwa lebih berkekalan dan konsisten berbanding keadilan yang dipaksakan secara luar seperti melalui sistem perundangan atau undang-undang semata-mata. Keadilan yang berasaskan takwa bersifat intrinsik dan datang dari dalam hati, berbeza dengan keadilan yang terpaksa yang hanya berfungsi apabila diawasi (Al-Rāzī, 1999). Justeru, individu yang bertakwa akan lebih cenderung untuk mematuhi prinsip-prinsip keadilan dalam semua aspek kehidupan, bukan hanya ketika diawasi oleh undang-undang atau pihak berkuasa.

Model pembangunan keadilan sosial yang dibentuk melalui *qawlan sadīdā* dan takwa memerlukan pendekatan holistik yang melibatkan dimensi psiko-spiritual dan sosial. Dalam hal ini, keadilan sosial bukan hanya dilihat sebagai pematuhan terhadap undang-undang atau peraturan, tetapi sebagai manifestasi daripada perubahan dalaman individu yang bertakwa. Model ini mengintegrasikan dua aspek penting: (i) dimensi spiritual yang dipupuk oleh takwa dan (ii) dimensi sosial yang terhasil daripada ucapan yang benar dan adil (*qawlan sadīdā*).

Menurut Al-Ghazali (2003), keadilan sosial yang dicapai melalui transformasi dalaman akan menghasilkan masyarakat yang stabil dan harmoni, di mana prinsip-prinsip moral dan etika ditegakkan oleh setiap individu. Oleh itu, keadilan sosial yang dilaksanakan dalam konteks *qawlan sadīdā* dan takwa bukan hanya menguntungkan individu tetapi juga memberi impak positif kepada masyarakat secara keseluruhan. Takwa bertindak sebagai landasan moral dan spiritual yang mempengaruhi setiap tindak tanduk individu dalam masyarakat, memastikan bahawa keadilan bukan hanya suatu konsep tetapi satu amalan yang berterusan dalam kehidupan sosial.

Hasil kajian ini menunjukkan bahawa *qawlan sadīdā* tidak dapat dipisahkan daripada dimensi psiko-spiritual yang ditunjukkan oleh perintah takwa. Takwa berfungsi sebagai prasyarat yang penting untuk mencapai keadilan sosial yang sejati, yang bersifat berterusan dan melibatkan perubahan dalaman yang bermula dari individu. Oleh itu, keadilan sosial dalam Islam bukan sahaja bergantung kepada struktur sosial atau perundangan, tetapi kepada pembentukan karakter individu yang bertakwa, yang kemudian mempengaruhi interaksi sosial mereka. Model ini menyediakan panduan bagi masyarakat dalam mencipta suasana sosial yang adil dan beretika, yang mengutamakan nilai-nilai moral yang bersumberkan wahyu. Kajian ini membuka ruang untuk penyelidikan lanjutan dalam bidang komunikasi Islam dan keadilan sosial, serta penerapan nilai-nilai Islam dalam konteks dunia moden yang semakin kompleks.

ETIKA KOMUNIKASI PELBAGAI DIMENSI

Kajian ini menganalisis dimensi komunikasi dalam prinsip *qawlan sadīdā* yang terdapat dalam surah *al-Aḥzāb* (33:70) dan surah *al-Nisa'* (4:9), serta hubungannya dengan etika komunikasi dalam konteks sosial dan keadilan. Analisis ini mendapati bahawa kedua-dua ayat tersebut menggambarkan dua jenis komunikasi yang berbeza tetapi saling melengkapi, iaitu komunikasi *bottom-up* dan *top-down*, yang mempunyai implikasi besar dalam membentuk struktur sosial yang lebih adil dan beretika.

Surah *al-Aḥzāb* (33:70) merujuk kepada komunikasi *bottom-up*, di mana orang beriman diberi tanggungjawab untuk berkomunikasi kepada pemimpin atau orang yang memiliki kedudukan yang lebih tinggi dan sesama mereka. Dalam konteks ayat ini, *qawlan sadīdā* menekankan pentingnya umat untuk bersuara dengan benar dan adil, serta menuntut keadilan daripada pihak berkuasa. Hal ini seiring dengan penekanan dalam ayat-ayat sebelumnya (33:66-69) mengenai penyesalan orang kafir di akhirat, yang memperlihatkan betapa pentingnya komunikasi yang jujur dan bertanggungjawab, khususnya dalam konteks hubungan antara pemimpin dan rakyat. Komunikasi *bottom-up* ini mencerminkan hak rakyat untuk bersuara, menyuarakan pendapat mereka dengan jujur, dan menuntut keadilan berdasarkan prinsip-prinsip moral dan etika yang terkandung dalam wahyu. Dalam kerangka ini, masyarakat berhak untuk mengkritik kelemahan atau ketidakadilan dalam sistem yang ada, dengan tujuan untuk memperbaikinya demi kesejahteraan bersama.

Sebaliknya, surah *al-Nisa'* (4:9) menggambarkan komunikasi *top-down*, di mana pemimpin atau wali bertanggungjawab untuk menyampaikan keadilan dan perlindungan kepada golongan yang lemah, terutamanya anak yatim. Ayat ini, yang berkait rapat dengan pengurusan harta anak yatim seperti yang dinyatakan dalam ayat-ayat sebelumnya (4:6-8), memperlihatkan pentingnya komunikasi yang adil dan bertanggungjawab dari pihak yang memegang kuasa kepada yang dipimpin. Ayat ini dimulai dengan peringatan kepada pengurus anak yatim untuk memposisikan diri mereka seolah-olah anak mereka sendiri yang menjadi yatim. Al-Ṭabarī (2001) menjelaskan bahawa permulaan ayat ini adalah sebagai satu bentuk *ta'lim li al-awliya' bi wājib al-sha-faḥ* (pengajaran kepada para wali tentang kewajiban berkasih sayang). Ini menunjukkan bahawa pemimpin mesti melalui proses persediaan psikologi melalui empati sebelum mereka menuturkan *qawlan sadīdā*. Komunikasi *top-down* dalam konteks ini menekankan tanggungjawab pemimpin untuk berkomunikasi dengan jelas, adil, dan terbuka, khususnya dalam menguruskan amanah yang diberikan kepada mereka, seperti hak-hak anak yatim dan golongan terpinggir lain dalam masyarakat. Oleh itu, pemimpin harus berpegang pada prinsip transparansi dan akuntabiliti, memastikan bahawa keputusan dan tindakan mereka memberi manfaat kepada semua lapisan masyarakat, terutamanya golongan yang lebih lemah.

Berdasarkan analisis ini, kajian ini menunjukkan bahawa *qawlan sadīdā* bukan sekadar merujuk kepada ucapan yang benar dan tepat, tetapi juga mencerminkan satu model komunikasi yang berasaskan keadilan, ketelusan, dan tanggungjawab. Dalam konteks komunikasi sosial, kedua-dua bentuk komunikasi ini, *bottom-up* dan *top-down* adalah saling melengkapi dan penting dalam memastikan keadilan dan kesejahteraan dalam masyarakat. Model komunikasi ini bukan sahaja relevan dalam konteks individu, tetapi juga memberi impak yang besar dalam pembentukan dasar sosial dan pentadbiran negara.

Kajian ini turut menegaskan bahawa etika komunikasi dalam Islam tidak hanya menekankan kebenaran dalam ucapan, tetapi juga akuntabiliti dan tanggungjawab dalam setiap komunikasi, baik dari pemimpin kepada rakyat mahupun sebaliknya. *qawlan sadīdā* menuntut setiap individu dalam masyarakat untuk bertutur dengan penuh keadilan dan integriti, mengingatkan mereka bahawa setiap kata-kata yang diucapkan akan dipertanggungjawabkan di hadapan Allah SWT. Oleh itu, komunikasi yang beretika dalam Islam adalah dasar kepada pembentukan masyarakat yang adil, sejahtera, dan bermoral.

NATIHAH KOLEKTIF QAWLAN SADIDA

Konsep *qawlan sadīdā* dalam Al-Qur'an bukan sahaja merujuk kepada ucapan yang benar dan adil, tetapi juga membawa kepada **transformasi sosial** yang mendalam. Melalui **analisis munasabah** pada ayat 70 dan 71 surah *al-Aḥzāb*, kajian ini mendedahkan bagaimana prinsip *qawlan sadīdā* bukan sahaja memberi kesan kepada individu, tetapi juga membawa kepada perubahan struktur sosial yang lebih adil dan sejahtera. Firman

Allah SWT:

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا اتَّقُوا اللَّهَ وَفُؤَلُوا قَوْلًا سَدِيدًا. يُصْلِحْ لَكُمْ أَعْمَالَكُمْ وَيَغْفِرْ لَكُمْ ذُنُوبَكُمْ وَمَنْ يُطِيعِ اللَّهَ وَرَسُولَهُ
فَقَدْ فَازَ فَوْزًا عَظِيمًا.

Maksudnya: Wahai orang-orang yang beriman, bertaqwalah kepada Allah, dan katakanlah perkataan yang tepat - benar (dalam segala perkara), Supaya Ia memberi taufiq dengan men-jayakan amal-amal kamu, dan mengampunkan dosa-dosa kamu. Dan (ingatlah) sesiapa yang taat kepada Allah dan RasulNya, maka sesungguhnya ia telah berjaya mencapai sebesar-besar kejayaan.

Dalam konteks ini, *qawlan sadīdā* dilihat sebagai suatu pembaharuan yang berterusan yang mendalam, dan

Ayat ini menegaskan bahawa islah (الإصلاح) atau pembaharuan menjadi salah satu natijah utama yang berlaku apabila prinsip komunikasi yang benar dan adil diterapkan dalam masyarakat. *Qawlan sadīdā* menggalakkan transformasi sosial yang bukan hanya berfokus kepada perubahan individu, tetapi lebih kepada perubahan sistemik dalam masyarakat. Pembaharuan ini melibatkan perubahan dalam struktur sosial, ekonomi, dan politik, di mana setiap individu dan pihak yang berkuasa bertanggungjawab untuk melaksanakan keadilan dalam segala aspek kehidupan.

Menurut Hamka (1981) dalam *Tafsir al-Azhar*, islah ialah proses berterusan untuk memperbaiki masyarakat melalui pembentukan nilai-nilai moral yang berasaskan ajaran Islam, di mana kebenaran dan keadilan menjadi prinsip utama yang mengatur hubungan sosial. Oleh itu, *qawlan sadīdā* berfungsi sebagai mekanisme pembaharuan dalam masyarakat yang mengutamakan kebenaran, keadilan, dan integriti, yang mendasari perubahan yang sistematik dan progresif.

Maghfirah (المغفرة) merupakan salah satu natijah penting yang muncul daripada pelaksanaan *qawlan sadīdā*. *Qawlan sadīdā* menyarankan kepada setiap individu bahawa takwa yang diiringi dengan ucapan yang benar akan menarik rahmat dan *maghfirah* daripada Allah SWT, yang bukan sahaja menghapuskan dosa individu, tetapi juga memberi kesan kepada struktur sosial.

Menurut Ibn ‘Āsyūr (1984) dua ganjaran ini bersesuaian dengan tujuan *qawlan sadīdā* yang diucapkan iaitu dengan tujuan islah dan meraih keredaan Allah SWT. Seterusnya penggunaan kata ganti ‘kamu’ dalam bentuk jamak dalam ayat ini merujuk secara umum kepada seluruh umat Islam yang beriman sepanjang zaman. Hal ini mencerminkan sifat ganjaran yang diberikan kepada setiap individu yang beriman, sama ada ia merujuk kepada ucapan orang yang berbicara dengan kata-kata yang benar atau kepada orang lain yang mendengarnya. Ini menunjukkan bahawa ada golongan dalam masyarakat yang akan terpengaruh dengan ucapan yang benar tersebut dan akan mengamalkan nasihat atau ajaran yang disampaikan. Namun, tahap pengamalan mereka mungkin berbeza-beza bergantung pada pemahaman dan komitmen individu terhadap ajaran tersebut. Perbezaan ini menghasilkan variasi dalam kualiti amalan mereka yang bercakap dengan kata-kata yang benar dan amalan mereka yang mengikuti nasihat tersebut. Selain itu, amalan orang yang mengucapkan kata-kata yang benar juga terpengaruh oleh tahap kefahaman mereka terhadap apa yang mereka dengar dari orang lain, yang membentuk kesan dua hala dalam penyebaran kebaikan dalam masyarakat.

Oleh itu, proses transformasi sosial ini bukan hanya melibatkan individu yang menyampaikan kata-kata yang benar, tetapi juga melibatkan mereka yang mendengar dan mengamalkannya dalam kehidupan mereka sehari-hari.

Kajian oleh Nasser (2010) tentang tanggungjawab sosial dalam komunikasi Islam menunjukkan bahawa komunikasi yang adil dan bertanggungjawab adalah asas kepada perdamaian dalam masyarakat. *Qawlan sadīdā* mendorong perdamaian sosial dan membolehkan masyarakat mencapai maghfirah ilahi, iaitu rahmat daripada Allah yang akan turun kepada masyarakat yang mengamalkan nilai-nilai kebenaran dan keadilan dalam komunikasi mereka. Hal ini membawa kepada penyembuhan dan pengampunan, bukan hanya antara individu tetapi juga antara komuniti dan negara.

Salah satu aspek penting yang ditemui dalam kajian ini ialah manfaat yang menyeluruh yang didapati melalui pelaksanaan *qawlan sadīdā*. *Qawlan sadīdā* tidak hanya memberi kesan kepada penerus secara individu, tetapi mempunyai impak yang meluas kepada masyarakat. Komunikasi yang benar dan adil akan mencipta satu lingkaran positif di mana setiap tindakan dan percakapan yang benar mempengaruhi individu lain untuk turut mengamalkan prinsip yang sama. Ini seterusnya membawa kepada perubahan yang lebih luas dalam masyarakat, membentuk satu struktur sosial yang lebih beretika dan adil.

Menurut Kahf (2004), komunikasi dalam Islam berfungsi bukan hanya sebagai alat pertukaran maklumat, tetapi sebagai alat transformasi sosial yang membentuk moral masyarakat. Ketika prinsip *qawlan sadīdā* diterapkan dalam komunikasi seharian, ia memperkukuhkan hubungan antara individu dalam masyarakat dan membentuk masyarakat yang lebih bermoral dan bertanggungjawab.

Secara keseluruhannya, *qawlan sadīdā* membentuk ekosistem komunikasi sosial yang adil: ia menegakkan kebenaran, membimbing individu yang bertaqwa, memperkukuh etika komunikasi, dan menyebarkan ganjaran sosial ke seluruh masyarakat. Dengan kata lain, keadilan sosial bukan hanya bersifat normatif, tetapi praktikal melalui interaksi ucapan, pendengaran, dan amalan yang selari dengan prinsip *sadīd*.

KESIMPULAN

Kajian ini telah membuktikan bahawa melalui pendekatan ilmu *munāsabah* *qawlan sadīdā* bukan sekadar konsep linguistik yang merujuk kepada ucapan yang benar dan adil, tetapi juga berfungsi sebagai asas penting dalam pembentukan keadilan sosial yang holistik dalam konteks Islam. Melalui analisis *munāsabah*, kajian ini menunjukkan bahawa *qawlan sadīdā* mencakupi dua dimensi komunikasi vertikal dan horizontal yang membentuk rangka etika komunikasi dalam masyarakat. Dari sudut perspektif praktikal, hasil kajian ini memberi impak besar terhadap amalan *tadbir* urus dan pengurusan sosial di dunia moden. Amalan komunikasi yang berasaskan *qawlan sadīdā* dapat membentuk masyarakat yang lebih adil, inklusif, dan bertanggungjawab. Dalam konteks *tadbir* urus, penerapan prinsip ini akan meningkatkan kebertanggungjawaban pemimpin dan ketelusan dalam pengurusan, sekaligus mengurangkan ketidakadilan sosial. Dalam konteks komunikasi so-sial, penerapan *qawlan sadīdā* dapat merangsang kesejahteraan masyarakat, membangun generasi yang ber-maruah, serta memperkukuh interaksi antara individu dan masyarakat. Kajian ini mencadangkan penyelidikan lanjut dalam bidang tafsir al-Quran untuk menggali khazanah wahyu dan relevansinya dalam konteks isu-isu semasa.

RUJUKAN

Al-Qur'ān al-Karīm.

Al-Aṣṣfahānī, A. R. (2009). *Mufradāt Alfāz al-Qur'ān. Dār al-Qalam.*

Al-Biqā'ī, S. (1995). *Nazm al-Durar fī Tanāsub al-Ayāt wa al-Suwar.* Beirut: *Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah.*

Al-Bukhārī, M. I. (1422H). *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī. Dār Ṭūq al-Najāt.*

Al-Fayrūzabādī, M. I. (2008). *Al-Qāmūs al-muḥīṭ. Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah.*

Al-Ghazali, A. (2003). *Iḥyā' Ulūm al-Dīn.* Beirut: Dār al-Ma'rifah.

Al-Jurjānī, 'A. (1983). *Al-Ta'rīfāt. Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah.*

Al-Qurtubī, M. b. A. (2006). *Al-Jāmi' li aḥkām al-Qur'ān. Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah.*

Al-Sa'ādī, T. (2002). *Tafsīr al-Sa'adi. Dār al-Salām.*

Al-Suyūṭī, J. A. (1974). *Al-Itqān fī 'ulūm al-Qur'ān. Al-Hay'ah al-Miṣriyyah al-'Āmmah li al-Kitāb.*

Al-Syawkānī, M. A. (2007). *Fath al-Qadīr 'alā al-Tafsīr al-Kabīr. Dār al-Salām.*

Al-Wāḥidī, M. (1995). *Asbāb al-nuzūl. Dār al-Ma'arif.*

Al-Zarkashī, B. A. (1988). *Al-Burhān fī 'ulūm al-Qur'ān. Dār al-Ma'rifah.*

Hamka. (1976). *Tafsīr al-Azhar.* Pustaka Panjimas.

Hulawa, D. E., & Kasmiati. (2023). *Qaulan ṣadīdan as a Qur'anic framework for revitalizing character building in the digital era. Fitrah: Journal of Islamic Education, 6(2), 145–160.*

Ibn 'Āsyūr, M. Ṭ. (1984). *Al-Taḥrīr wa al-Tanwīr. Al-Dār al-Tūnisiyyah li al-Naṣr.*

Ibn Fāris, A. Ḥ. (1979). *Mu'jam Maqāyīs al-lughah. Dār al-Fikr.*

Ibn Kathīr, I. (2000). *Tafsīr al-Qur'ān al-'Azīm. Dār al-Salam.*

Ibn Kathīr, I. (2001). *Tafsīr al-Qur'ān al-'Azīm. Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah.*

Ibn Qayyim al-Jawzīyyah, M. (1979). *I'lām al-muwaqqi'īn 'an rabb al-'ālamīn. Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah.*

Junaidi, J., 'Abdul Majid, L., & Nazrī, M. A. (2023). *Revisiting social justice: Exploring the Qur'anic paradigm in addressing contemporary challenges. Afkār: Journal of 'Aqīdah and Islamic Thought, 25(2), 153–192.*

Kahf, M. (2004). *Islamic Ethics of Communication: A Conceptual Framework for Modern Islamic Communication. Journal of Islamic Studies, 5(2), 45–59.*

Nasser, M. (2010). *Social Responsibility in Islamic Communication. Journal of Islamic Studies and Culture, 8(2), 122-138.*

Quṭb, S. (2000). *Fī zilāl al-Qur'ān. Dār al-Shurūq.*

Raḥīm, S., & Yūsuf, M. M. (2023). *The way forward with social justice in Islamic economics. International Journal of Islamic Economics and Finance Research, 6(2), 99–109.*